

Headline	Discovery Park jadi tumpuan pelancong asing, tempatan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 Nov 2018	Language	Malay
Frequency	Daily	Circulation	69,985
Readership	209,955	Section	Bisnes
Color	Full Color	Page No	41
ArticleSize	620 cm ²	AdValue	RM 21,372
Journalist	Nabil Basaruddin	PR Value	RM 64,116



(Dari kiri) Ketua Pegawai Eksekutif Invade, Kent Teo, Pengarah Kitchen Mafia, Sherson Lian, Pengurus Besar Aerophile, Matthieu Gobbi, Chee Meng, Ketua Pegawai Eksekutif Blastacars, John Wong, Ketua Pegawai Eksekutif AKA Balloon, Nur Izzati Khairudin, Pengurus Besar Caravan Serai, Chua Teik Huang pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara Gamuda Land dengan enam rakan kerjasama di Shah Alam, semalam.

→ BISNES



Dengan kepelbagaian dan keunikan tawaran yang disediakan melalui Discovery Park dalam projek berprestij Gamuda Cove ini, ia dapat menghasilkan suasana perbandaran masa depan yang luar biasa”

Ngan Chee Meng,
Ketua Pegawai Eksekutif
Gamuda Land

Discovery Park jadi tumpuan pelancong asing, tempatan

→ Projek Gamuda Cove sedia bandar untuk generasi masa depan

Oleh Nabil Basaruddin
nabil.basaruddin@nstp.com.my

Discovery Park, sebahagian daripada projek Gamuda Cove akan menjadi destinasi tumpuan utama pelancong tempatan dan antarabangsa apabila ia mula dibuka pada pertengahan tahun depan.

Ketua Pegawai Eksekutif Gamuda Land, Ngan Chee Meng, berkata projek seluas 20.2 hektar yang akan terbahagi kepada tiga zon rekreasi iaitu Adventure Park, sukan ekstrim; Sports Park kemudahan sukan bertaraf antarabangsa, Hangout Village dengan suasana hab sosial yang unik.

Beliau berkata, sebagai pemaju

perbandaran pihaknya mahu mempersiapkan bandar yang dapat kekal relevan untuk generasi masa kini dan akan datang.

“Untuk membina bandar yang berkualiti, apa yang terbaik adalah untuk meletakkan asas kukuh yang bukan sahaja kepada hartanah kediaman, tetapi perkhidmatan, ketersambungan, infrastruktur dan landskap.

Perbandaran luar biasa

“Dengan kepelbagaian dan keunikan tawaran yang disediakan melalui Discovery Park dalam projek berprestij Gamuda Cove ini, ia dapat menghasilkan suasana perbandaran masa depan yang luar biasa.”

“Apabila taman ini mula bero-

perasi pada tahun depan, kami yakin Discovery Park akan menjadi hab pelancongan dan rekreasi utama di selatan Lembah Klang,” katanya pada majlis menandatangani enam perjanjian kerjasama dengan rakan kerjasama di Shah Alam, semalam.

Antaranya Aerophile, AKA Balloon, Blastacars, Invade, Kitchen Mafia dan Caravan Serai yang akan menjadi antara pelengkap bagi taman dan perbandaran oleh Gamuda Land itu.

Discovery Park yang dijadual dibuka pada 2019 akan beroperasi secara berperingkat dengan ‘Adventure Park’ dan ‘Hangout Village’ serta dibuka sepenuhnya pada 2020.

Seterusnya, taman tema air di-

jangka mula dibuka kepada orang ramai pada 2022 sekali gus melengkapkan taman di bawah projek berprestij itu.

Chee Meng berkata, selain kehadiran enam rakan kongsi itu, Discovery Park juga akan menerima kehadiran lebih banyak peruncit pada masa akan datang.

“Buat masa ini, pihak syarikat masih lagi berbincang dengan beberapa peruncit yang akan menjadi rakan kongsi seterusnya mempelbagaikan tawaran di taman ini,” katanya.

Gamuda Cove adalah projek perbandaran yang terletak di Selangor dan bersebelahan dengan Paya Indah Wetland dan hutan simpan utara Kuala Langat dan Cyberjaya.